

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT  
PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT : DRAMATIC PLAY**

**PUSAT/ FUNGSI : ROLE PLAY @ MAIN PERANAN @ DRAMA**

**TAJUK/ TEMA : KAPAL TERBANG DAN SAYA**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KE 2.1	Melakonkan pelbagai watak
		KD 2.3	Membina keyakinan untuk berkomunikasi
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KE 2.1.1	Melakonkan watak menggunakan imaginasi.
		KE 2.1.2	Melakonkan watak berdasarkan cerita.
		KD 2.3.5	Menunjukkan kebolehan sendiri melalui pelbagai kaedah komunikasi
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Menunjukkan sikap ingin tahu, sistematik, berkerjasama dan bertanggungjawab
		<b>T</b>	Mengintegrasikan pelbagai media
		<b>R</b>	Mengamalkan sikap sopan dalam pertuturan dan tingkah laku Melafazkan doa menaiki kenderaan
		<b>E</b>	Melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor
		<b>A</b>	Melakonkan pelbagai watak
		<b>M</b>	Mengetahui kedudukan objek dalam ruang
3	<b>ABM</b>	<i>Model Security gate (PVC pipe), Meja, replika mesin pengimbas beg, baju staff, passpot, tiket, beg</i>	
4	<b>KEMAHIRAN</b>	<b>KENDIRI POSITIF</b>	<b>SOSIAL</b>

BIL	PERKARA	CATATAN	
		i. Yakin ii. Berani	iii. Berkongsi iv. Keterlibatan
4	<p><b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b></p> <p><b>Pengenalan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berada di dalam pusat pembelajaran.</li> <li>2. Kanak-kanak memilih watak dan memakai pakaian yang bersesuaian mengikut watak.</li> <li>3. Kanak-kanak dan guru berbincang tentang aktiviti yang akan dijalankan.</li> </ol> <p><b>Cara aktiviti dijalankan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Kanak-kanak melakukan watak-watak mengikut situasi di kaunter daftar masuk. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penumpang beratur untuk mendapatkan pass masuk di kaunter daftar masuk.</li> <li>b. Penumpang menyerahkan tiket dan mykid/pasport kepada petugas kaunter untuk pemeriksaan.</li> <li>c. Petugas menimbang bagasi penumpang di atas convayer.</li> <li>d. Petugas menyerahkan pas masuk.</li> <li>e. Penumpang beratur untuk masuk ke balai pelepasan.</li> <li>f. Pegawai keselamatan memeriksa pas masuk penumpang.</li> <li>g. Penumpang meletakkan bagasi di atas mesin pengimbas beg.</li> <li>h. Penumpang melalui pintu khas untuk imbasan keselamatan.</li> <li>i. Penumpang bersedia di balai pelepasan untuk menaiki pesawat.</li> </ul> </li> </ol>		

BIL	PERKARA	CATATAN
		<p>j. Petugas membuat pengumuman masuk kepada semua penumpang untuk masuk ke dalam pesawat mengikut nombor yang diberi.</p> <p>k. Penumpang duduk di tempat masing-masing dan memakai tali pinggang keselamatan.</p> <p>l. Pembantu penerbangan memberi taklimat keselamatan.</p> <p>m. Juruterbang membuat pengumuman pesawat akan berlepas.</p> <p>n. Pembantu penerbangan menghidang minuman ringan kepada penumpang.</p> <p>o. Juruterbang mengumumkan pesawat telah tiba ke destinasi dan mengucapkan terima kasih kepada penumpang.</p> <p>p. Penumpang beratur dan membawa bagasi masing-masing keluar dari pesawat.</p> <p>5. Apabila selesai aktiviti, kanak-kanak menyusun semula semua peralatan di pusat pembelajaran.</p> <p><b><u>Nota:</u></b></p> <p>* pelbagai ABM boleh digunakan mengikut tema</p> <p>* pelbagai backdrop boleh digunakan mengikut kreativiti guru (banner atau LCD Projector)</p>